



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

29 April 2016 / 21 Rejab 1437H

Merendah Diri di Hadapan Allah s.w.t

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah,

Pernah diriwayatkan bahawa Sayyidina Umar al-Khattab r.a. tatkala menjadi Khalifah, pada suatu malam ketika beliau sedang meronda dan melihat keadaan kota dan masyarakat yang tinggal di bawah pemerintahannya, beliau terdengar bacaan sepotong ayat Al-Quran daripada salah satu rumah yang dilaluinya. Ayat yang didengarinya apa yang tertera di dalam Surah At-Thur ayat 7-8:

إِنَّ عَذَابَ رَبِّكَ لَوَاقِعٌ ﴿٧﴾ مَا لَهُ مِنْ دَافِعٍ ﴿٨﴾

Yang bermaksud: *“Sesungguhnya azab Tuhanmu tetap berlaku; Tidak ada sesiapaupun yang dapat menolaknya.”*

Ketika terdengar bacaan tadi, hati Saidina Umar tersentak. Beliau berhenti, dan kakinya merasa sangat berat seakan tidak dapat menampung berat badannya. Beliau lalu terpaksa duduk di lantai sambil menangis, sehinggakan beliau perlu dibantu untuk pulang ke rumahnya.

Saudaraku, apakah yang membuatkan pemimpin segagah ini menjadi begitu hiba? Ia tidak lain adalah kerana kesedaran dan rendah dirinya akan kekuasaan Allah s.w.t. Ketika mendengar ayat ini, beliau merasakan bahawa ayat itu ditujukan kepadanya dan bahawa dialah yang dimaksudkan dalam ayat itu sebagai hamba yang akan menerima azab Allah. Beliau merasa khawatir akan dosa yang mungkin pernah dilakukannya dan bukan melihat kepada dosa orang lain.

Subhanallah saudara! Inilah Sayyidina Umar ibn Al-Khattab. Bagaimana beliau tidak dijanjikan syurga? Beliau tidak dikuasai kesombongan meskipun kedudukan beliau di sisi Nabi s.a.w. Beliau tetap merasa getaran di dalam hatinya apabila mendengar ayat tentang azab Allah kerana beliau melihat kepada dirinya dan menumpukan pada kelemahan dirinya. Ini adalah keadaan orang yang dijanjikan syurga. Bagaimana diri

kita pula saudara? Hamba Allah yang tiada sebarang jaminan syurga. Janganlah kita masih merasa angkuh kepada Allah.

Saudaraku,

Banyak yang telah diperkatakan mengenai sikap tawaduk dan rendah diri dalam khutbah-khutbah sebelum ini. Selain daripada merendahkan diri sesama manusia, tawaduk yang paling perlu untuk kita hayati adalah untuk merendahkan diri dan hati kita kepada Allah s.w.t. Apabila kita merendahkan diri dan jiwa kita kepada Allah, maka seluruh anggota kita yang lain akan juga ikut tunduk merendahkan diri, kita bakal menjadi insan yang lebih bertakwa kepada Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. bersabda:

مَا نَقَصَتْ صَدَقَةٌ مِنْ مَالٍ وَمَا زَادَ اللَّهُ عَبْدًا بِعَفْوٍ إِلَّا عِزًّا وَمَا تَوَاضَعُ
أَحَدٌ لِلَّهِ إِلَّا رَفَعَهُ اللَّهُ

Yang bermaksud: *“Bersedekah tidak akan mengurangkan sedikitpun daripada harta, dan Allah s.w.t. tidak menambahkan bagi seorang hamba yang memaafkan (insan lain) melainkan kemuliaan, dan tidak seorang pun yang merendahkan diri kepada Allah s.w.t. kecuali ditinggikan darjatnya oleh Allah s.w.t.”* [Hadith riwayat Imam Muslim dan At-Tirmizi]

Oleh itu saudara, dalam kita berusaha untuk mencapai matlamat yang kita inginkan dalam kehidupan, jangan lupa untuk disandarkan harapan kepada Allah s.w.t. melalui doa. Kadang-kala kita mungkin bekerja keras untuk mendapatkan

gaji yang lebih, ada mungkin sedang belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mendapatkan kejayaan. Namun jangan terlupa untuk memohon restu daripada Allah. Ini kerana akhirnya segala yang kita raih pada hakikatnya adalah kurniaan Allah. Firman Allah s.w.t di dalam surah Al-Mu'min ayat 60:

وَقَالَ رَبُّكُمْ ادْعُونِي أَسْتَجِبْ لَكُمْ إِنَّ الَّذِينَ يَسْتَكْبِرُونَ عَنْ عِبَادَتِي سَيَدْخُلُونَ جَهَنَّمَ دَاخِرِينَ ﴿٦٠﴾

Yang bermaksud: *“Dan Tuhan kamu berfirman: Berdoalah kamu kepadaKu nescaya Aku perkenankan doa permohonan kamu. Sesungguhnya orang-orang yang sombong takbur daripada beribadat dan berdoa kepadaKu, akan masuk Neraka Jahannam dalam keadaan hina.”*

Ayat yang baru saya bacakan merujuk kepada mereka yang tidak mahu berdoa kepada Allah s.w.t., dan tidak mahu tunduk kepada Allah dan berserah diri kepada Allah sebagai orang-orang yang sombong, dan mereka akan mendapat balasan penghinaan di akhirat nanti.

Perhatikanlah bagaimana berdoa kepada Allah itu disamakan dengan menyembah Allah dan beribadah kepadaNya. Mengapakah begitu? Kerana dengan kita meminta bantuan daripada Allah s.w.t., kita sebenarnya tunduk dan akur bahawa Allah lah yang berkuasa atas segalanya. Dengan kita memohon pertolongannya, kita mengakui kelemahan dan kekerdilan diri

kita sebagai seorang manusia dan hambaNya, dan bahawa Dialah yang mampu melakukan apa yang kita sendiri tak mampu lakukan.

Tidak berdoa kepada Allah dianggap sebagai sombong kerana kita tidak menerima kekuasaan Allah. Tidak berdoa bermakna kita rasa bahawa diri kita mampu untuk melakukan segalanya dengan sendirinya tanpa perlu apa-apa bantuan daripada orang lain, termasuk daripada Allah s.w.t. sendiri. Tidak berdoa bermakna kita sombong dan bongkak kepada Allah s.w.t. *Na'uzu billahi min zalik.*

Saudaraku,

Untuk memastikan kita terus merendahkan diri di hadapan Allah s.w.t. selalulah bermuhasabah dan fikirkan tentang kelemahan dan keterlanjuran diri kita. Dan jangan terlalai daripada beristighfar dan meminta pengampunan daripada Allah s.w.t. Seandainya Saidina Umar r.a. dengan kehebatan iman dan ibadah pun masih menangis mengenangkan kemungkinan nasibnya di hadapan Allah, inikan pula kita.

Mudah-mudahan dengan kita menanamkan sikap rendah diri kepada Allah s.w.t., ia juga akan membentuk sikap tawaduk kita sesama manusia. Semoga diri kita dan keluarga kita dapat menjalankan kehidupan sesuai dengan perintah Allah dan RasulNya, dan semoga keluarga kita mekar dalam sebuah

masyarakat yang indah pekertinya dan banyak amal solehnya.
Amien ya rabbal alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.